

SIARAN AKHBAR

29 Jun 2018

Penolakan rakyat terhadap Najib Razak penyebab kekalahan PRU14 - ahli dan perwakilan UMNO

BANGI - Kajian Merdeka Center yang dilakukan di kalangan perwakilan dan ahli biasa UMNO sempena pemilihan parti pada 30 Jun nanti mendapati 40% daripada mereka meletakkan faktor penolakan terhadap mantan presiden Najib Razak sebagai punca utama kekalahan parti itu di dalam pilihanraya umum Mei 2018. Ini diikuti faktor isu GST (22%) dan 1MDB (14%).

Selain itu, 83% daripada responden percaya bahawa UMNO menghadapi masalah yang perlu diatasi segera. Mereka melihat perlunya para perwakilan memilih pemimpin yang boleh mendapat kepercayaan rakyat serta mempunyai wawasan untuk memperkukuhkan semula parti tersebut. Responden telah diminta untuk menyatakan dua ciri utama yang perlu ditekankan oleh pimpinan yang ingin menerajui parti. Respon para responden adalah seperti berikut:

Ciri Pemimpin	Jumlah	Ciri Pertama	Ciri Kedua
Boleh mendapat kepercayaan seluruh rakyat Malaysia	48%	21%	27%
Mempunyai wawasan untuk mengukuhkan semula UMNO	45%	11%	34%
Boleh menyatupadukan semua peringkat pemimpin dalam UMNO	29%	20%	9%
Boleh mendapat kepercayaan pengundi Melayu	27%	16%	11%
Mempunyai pengalaman dan 'track record' perkhidmatan	20%	18%	3%
Mendapat kepercayaan perwakilan	15%	11%	4%
Pemimpin jujur dan amanah	1%	1%	-

Dari aspek halatuju parti pula, majoriti responden melihat inisiatif paling utama yang perlu ditekankan untuk mengembalikan kekuatan UMNO adalah untuk mengatasi budaya politik wang (83%) diikuti dengan mengeratkan kerjasama dengan PAS (77%). Hanya 50% daripada responden bersetuju parti tersebut harus membuka keahlian kepada kaum bukan Melayu.

Inisiatif	Setuju	Tidak Setuju
Mengatasi budaya politik wang	83%	13%
Mengeratkan kerjasama dengan PAS	77%	22%
Merumus gandingan lebih saksama dengan MCA dan MIC	59%	36%
Bergerak sendirian tanpa BN	57%	41%
Membuka keahlian kepada semua kaum di Malaysia	50%	47%
Mengeratkan kerjasama dengan Pakatan Harapan	29%	66%

Butiran Kajian

Kajiselidik dilaksanakan oleh Merdeka Center menerusi perbualan telefon bersama 723 responden yang terdiri daripada perwakilan dan ahli biasa parti UMNO dari 191 bahagian di seluruh Malaysia (tidak termasuk Sarawak). Temubual dilakukan di antara 25hb hingga 28hb Jun 2018.

Penemuan terperinci dimuatkan di dalam dokumen powerpoint yang dikeluarkan bersama kenyataan ini.

About Merdeka Center for Opinion Research

Merdeka Center for Opinion Research was formally established in 2001 as an independent organization focused on public opinion research and socio-economic analysis. Merdeka's mission is to act as a bridge between ordinary Malaysians and other stakeholders with the leading members of the nation – by collecting public opinion studies and expressing them through survey results, analysis and position papers. For details, visit: www.merdeka.org

Contact:

Ibrahim Suffian
Director - Programs
Mobile: 6012 379 1940
Email: ben@merdeka.org

Tan Seng Keat
Research Manager
Mobile: 6012 395 0316
Email: sengkeat@merdeka.org